

Pendidikan Islam lahir pelajar cemerlang, seimbang

BH-02/01/2019 CM/S (46)

Dunia mendapat pelbagai faedah hasil ilham dan tangan cendekiawan Islam.

Bidang perubatan menyaksikan sumbangan Az-Zahravi menerusi pembedahan; An-Nafis dalam memahami fisiologi peredaran darah dan ilmuwan Parsi, Ibnu Sina yang banyak menulis buku perubatan.

Begitu juga bidang lain seperti kejuruteraan dan matematik yang turut mendapat sentuhan ilmuwan Islam seperti Al-Khawarizmi dan Ibnu Haitham.

Mereka bukan saja bijak ilmu duniawi, tetapi juga agamawan cemerlang dalam memahami al-Quran dan ad-deen sebelum ilmu akademik.

Sejak kedatangan penjajah British, sistem sekolah secular mengasingkan agama dan pendidikan di negara kita. Tidak

hairan jika subjek agama hanya diajar beberapa jam seminggu.

Jika mahukan lebih daripada itu, pelajar perlu mengambil inisiatif ke kelas fardu ain selepas waktu sekolah.

Elemen penting

Bagaimanapun, sekitar 1980-an, beberapa institusi pendidikan mewujudkan aliran agama yang menggabungkan pengajian agama dan akademik, mendapat sambutan ibu bapa yang mahukan keseimbangan kedua-duanya.

Dalam dunia hari ini, agama dilihat elemen penting pendidikan kerana keseimbangan tiga fakulti insan, iaitu aqli, jasmani dan rohani boleh memastikan manusia menjadi insan terbaik.

Kita menyaksikan bagaima-

na mereka yang cemerlang akademik, tetapi disebabkan longgar hubungan dengan Allah, tanpa segan silu melakukan pelbagai jenayah kolar putih seperti menipu, rasuah dan pelbagai lagi masalah sosial.

Sekolah seperti Maktab Rendah Sains MARA Ulul Albab, sekolah menengah kebangsaan agama dan sekolah tahfiz integrasi menjadi pilihan ibu bapa. Bilangan calon hadir temu duga MRSM Ulul Albab saja berpuluh kali ganda daripada jumlah pengambilan bagi satu sesi.

Pelajar sekolah agama ini membuktikan mereka bukan saja cemerlang dalam ilmu agama, tetapi juga akademik apabila rekod pencapaian Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sentiasa terkehadapan di pering-

kat negeri dan kebangsaan.

Tidak tepat untuk mengatakan pembelajaran agama menyebabkan seseorang lebih terkebelakang dan ketinggalan dalam banyak perkara.

Pelajar lebih rajin

Saya adalah pelajar sekolah aliran biasa dan peluang belajar di MRSM serta memahami Islam, menjadikan saya lebih rajin dan amanah terhadap tanggungjawab yang diberi.

Saya menyokong kurikulum dinilai semula dan penilaian dibuat dengan memastikan subjek agama dan moral sebagai intipati kecemerlangan pelajar.

Dr Murizah Mohd Zain,
Ketua Wanita Pertubuhan Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) Alor Setar.